

## **Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu**

<sup>1</sup>AZARUDDIN BIN AWANG

<sup>2</sup>KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Kontemporari Islam, UiTM Terengganu, 23000, Sura Hujung, Dungun, Terengganu.  
azaru154@tganu.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.  
tjamh@um.edu.my

**Abstrak** Pemelukan agama Islam merupakan satu fenomena sosial yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Perihal yang sama terjadi dalam kehidupan komuniti minoriti Cina di negeri Terengganu. Hubungan etnik berbeza agama yang sekian lama terjalin sedikit banyak mendorong komuniti Cina memeluk agama Islam. Objektif kajian ini ialah melihat faktor yang mendorong kepada pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina yang membabitkan diri dalam kegiatan di Kompleks Darul Hidayah. Kajian deskriptif ini dilakukan menggunakan metodologi kualitatif, iaitu menerusi temu bual terhadap 20 orang Saudara Muslim Cina yang telah memeluk agama Islam di kompleks Darul Hidayah. Hasil kajian mendapati komuniti Cina Muslim di Kompleks ini memeluk agama Islam kerana faktor pergaulan dengan rakan Muslim, perkahwinan, kajian tentang Islam, mendapat hidayah dari Ilahi dan dorongan daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam. Hasil dapatan berupaya membantu badan-badan dakwah dan masyarakat Muslim setempat agar peka terhadap isu-isu yang berlaku dalam kehidupan saudara Muslim pada tempoh sebelum dan selepas pemelukan agama Islam.

**Kata kunci:** Terengganu, pemelukan agama, Saudara Muslim, Cina, Darul Hidayah.

***Abstract** The conversion is the change of belief which is a social phenomenon that occurs in the multiethnic society of Malaysia. The same situation happens in the life of the Chinese community in Terengganu. The*

*ethnic relationship within interreligious community that had existed for a long time influenced the Chinese community to convert to Islam. The objective of this study is to determine factors that lead to the conversion to Islam among the members of the Chinese community who are involved in activities at Darul Hidayah. This descriptive study used a qualitative method by interviewing 20 Chinese Muslim converts at the complex of Darul Hidayah. In addition, interviews were also conducted with three important figures who were directly involved in the welfare of the new Chinese converts in Terengganu. The study found that the contributing factors to the Chinese community conversion to Islam in Complex Darul Hidayah Islam are related with Muslim friends, marriage with a Muslim, research about Islam, divine guidance and encouragement from the family who have converted to Islam. The findings could help the missionary bodies and the local Muslim community to be more sensitive to the issues that occur in the life of Muslim Converts before and after conversion.*

**Keywords:** *Terengganu, religious conversion, Newly Muslim, Chinese, Darul Hidayah.*

## PENDAHULUAN

Menurut *Kamus Dewan* (2010), ‘memeluk’ dijelaskan sebagai penganut atau pengikut suatu agama. Ibnu Manzur (2001) dalam *Lisan al-Ārab* menjelaskan قنع dengan dua makna, iaitu leher dan makna kedua ialah memeluk. Namun begitu, kedua-dua makna, ini mempunyai perkaitan yang rapat kerana اقنعت نالجرلا memberi maksud berpelukan leher dua orang lelaki. A. Farah *et al.* (2004) pula dalam *The Dictionary English – Arabic*, mengutarakan makna memeluk (*convert*) sebagai petunjuk kepada sesuatu agama (نبي يلد! - يده), manakala *conversion* dijelaskan sebagai pemelukan kepada agama yang lain (لي وحترخ أنيد قانتع!). Selanjutnya, Dowing (2006) dalam *Encyclopedia of Religious and Spiritual Development* menjelaskan pemelukan agama sebagai satu langkah penyesuaian semula kehidupan seseorang, termasuk perubahan pemikiran, tingkah laku, gaya hidup berdasarkan komuniti yang diikuti. Dari segi konotasinya, penulis Barat seperti Gundrun (2006) merujuk ‘pemelukan’ agama Islam sebagai ‘*embrace Islam,*’ ‘*new in Islam*’ dan ‘*new Muslims*’. Berdasarkan definisi

‘pemelukan’ sebagaimana yang diusulkan memberi maksud perubahan, penukaran, petunjuk atau penyesuaian semula, istilah ini masih perlu dikembangkan dengan lebih mendalam sebelum dihubungkan dengan agama Islam. Justeru, gambaran yang lebih mendalam dan luas tentang pemaknaan pemelukan agama ini boleh diteliti dengan merujuk kepada tulisan-tulisan yang akan dinyatakan. Zakiah (1973) menyatakan bahawa pemelukan bermaksud berlawanan arah dan dapat dikaitkan sebagai terjadinya suatu perubahan keyakinan yang berlawanan arah dengan keyakinan asal. Seorang tokoh falsafah pragmatisme di Amerika Syarikat, William (1958) menyatakan proses pemelukan agama merupakan satu tindakan kembali semula untuk mendapat rahmat dan jaminan yang lebih baik dalam beragama. Lazimnya, pemeluk agama baharu akan melalui beberapa fasa gangguan emosi seperti berada dalam keadaan tenang, tidak tenang, rendah diri dan gembira. Pandangan yang sama dikemukakan oleh Heirich (1964) dengan menyatakan pemelukan agama merupakan satu proses pertukaran asas realiti kehidupan (*changing a sense of root*) atau peralihan secara sadar terhadap dasar kehidupan yang lain (*conscious shift in one’s sense of grounding*).

Dalam konteks pemelukan agama Islam, Al-Qwidi (2002) menjelaskan bahawa kata dasar *sa-la-ma* dan *as-la-ma* (*to submit*) digunakan bagi menerangkan menjadi seorang Muslim (*becoming a Muslim*). Malah, perkataan Muslim itu sendiri diasaskan daripada kata dasar *as-la-ma* yang memberi maksud tunduk, patuh, menyerah atau menganut Islam (Ibnu Manzur, 2001). Justeru, maksud ‘*becoming a Muslim*’, ialah seseorang yang melakukan kepatuhan (*submission*) dari aspek lidah dan juga hati dalam merealisasikan suruhan dan larangan yang dianjurkan oleh agama Islam. Selanjutnya, dalam *The Oxford Dictionary of English*, *to submit* dijelaskan sebagai “*accept or yield to a superior force or to the authority or will of another person*” (Carherine & Angus, 2006). Berkait dengan ini, Al-Quran kerap menggunakan perkataan *aslama* bagi menjelaskan ‘menjadi seorang Islam’ misalnya firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 112 menggunakan perkataan ‘*as-la-ma*’, Surah al-Baqarah: 131 menggunakan perkataan ‘*as-lim*’ dan Surah al-Hajj: 78 menggunakan perkataan ‘*mus-li-min*.’ Maka, berdasarkan gugusan ayat di atas, dapat dijelaskan bahawa perkataan *as-la-ma* dan *as-lim* bermaksud berserah diri, manakala penganut agama

orang yang berserah diri disebut sebagai Muslimin. Penggunaan perkataan atas kata dasar *sa-la-ma* (سَلِمَ) ini memberi pengertian yang umum, iaitu meliputi semua agama yang diturunkan oleh Allah kepada semua rasul Nya, dan makna khas pula dikhususkan kepada rasul Nya yang akhir, iaitu Nabi Muhammad SAW (Nasrul Hisyam, 2004). Justeru, menjadi seorang Islam (*becoming a Muslim*) bererti seseorang itu sanggup melakukan kepatuhan dan ketundukan (*submission*) sepenuhnya kepada segala hukum Ilahi. Ringkasnya, seseorang yang menerima Islam sebagai 'agama' dituntut agar mematuhi peraturan hidup Islam yang merangkumi sistem kepercayaan, perundangan dan nilai akhlak bagi mendapat kerahmatan di dunia dan akhirat. Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas, ternyata penganut agama Islam yang baharu atau kelompok yang lebih selesa dikenali komuniti 'Saudara Muslim' ini perlu menyesuaikan semula segenap dimensi kehidupan mengikut kerangka yang digariskan oleh agama.

Selain daripada itu, antara istilah yang cukup popular digunakan dalam Islam bagi seseorang yang melakukan pemelukan agama Islam ialah 'mu'alaf.' Dalam perihal ini, Amran Kasimin (1985) mengkategorikan mu'alaf kepada dua kelompok, iaitu komuniti yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat memperteguhkan pegangan mereka terhadap ajaran Islam dan komuniti yang dipujuk supaya tertarik untuk melakukan penukaran agama Islam. Biarpun begitu, Osman dan Abdul Salam (2008) hanya merujuk perkataan mu'alaf kepada komuniti yang telah memeluk agama Islam dan disebut sebagai Saudara Baru atau Saudara Kita. Hal ini selari sebagaimana yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan* (2010) yang menyatakan mu'alaf diertikan sebagai orang yang baru memeluk agama Islam atau Saudara Baru. Dalam *Lisan Al-Arab* (2001) pula, kalimah mu'alaf diambil dari kata dasar *a-li-fa* (فَلأ) yang bermaksud lembut, baik dan mengasihi. Di dalam al-Quran, perkataan mu'alaf ini hanya sekali diungkapkan, iaitu di dalam Surah al-Taubah ayat ke-60. Menurut Ibnu Kathir (1981), ayat ini diturunkan kepada kaum Aus dan Khazraj yang hampir mencetuskan permusuhan setelah mereka menganut Islam. Masyarakat Yahudi mengambil kesempatan dengan melakukan provokasi daripada perang Bani Buath yang melibatkan pembahagian harta rampasan perang. Rasulullah mengagihkan harta ghanimah kepada golongan mu'alaf menimbulkan perbalahan dalam kalangan kaum Aus dan Khazraj. Ayat al-Quran yang menceritakan mu'alaf

dalam ayat ini sebagai golongan yang berhak menerima zakat dan satu kelompok yang perlu diberi perhatian bagi menjinakkan hatinya kepada Islam. Bermakna, seseorang yang memeluk agama Islam akan melalui tempoh mualaf yang membolehkannya menerima peruntukan zakat sebagaimana yang dijelaskan dalam *Surah al-Taubah* ayat ke-60. Namun begitu, ulama Islam mengutarakan definisi mualaf pada skala yang lebih luas misalnya Al-Qurtubi (1967) membahagikan mualaf ini kepada tiga kategori, iaitu golongan bukan Muslim yang hatinya dilembutkan dengan pemberian zakat, komuniti Muslim yang tidak teguh imannya (Saudara Muslim) dan pemberian itu diharapkan mampu mengukuhkan imannya. Sementara itu, yang ketiganya ialah pembesar bukan Muslim yang ramai pengikut dan pemberian tersebut diharapkan mampu merubah dirinya dan pengikutnya.

Faktor pemelukan agama Islam sedikit sebanyak mencorakkan kehidupan komuniti Saudara Muslim selepas memeluk agama Islam. Shakirah (2002) mendapati bahawa golongan Saudara Muslim di Pulau Pinang masih mengamalkan cara hidup bukan Muslim dengan nisbah 65 peratus, antaranya minum arak, mengandung anak luar nikah dan berzina. Syukri Yeoh dan Osman Abdullah (2003) mendapati murtad berlaku apabila pasangan ini bercerai dan mengalami tekanan dari persekitaran. Komuniti Cina yang memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangan Muslim asal kadangkala tidak mengamalkan ajaran Islam dengan baik disebabkan tidak mendapat tunjuk ajar daripada pasangan yang sewajarnya (Lam, 2005). Hal ini disebabkan proses pemelukan agama Islam membawa bersama perubahan yang mengakibatkan hampir segenap perkara perlu dinilai dan disesuaikan mengikut perspektif agama tersebut.

Minat untuk melihat lebih serius dan mendalam tentang pemelukan agama Islam telah dibahaskan oleh sarjana luar dan dalam negara antaranya Kose (1998) dalam tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk '*Conversion to Islam: A Study of Native British Converts*' mendapati, interaksi dengan rakan Muslim merupakan faktor utama Saudara Muslim ini memeluk agama Islam dengan bertitik tolak daripada pemerhatian fenomena agama yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Muslim. Beliau juga menjelaskan peranan intelektual menjadi faktor pemangkin dengan komuniti prakonversi mengambil keputusan untuk melakukan penukaran agama Islam dengan

membandingkan fenomena keagamaan yang berkaitan aspek ketuhanan, keadilan sosial dan praktis amalan masyarakat Muslim. Begitu juga kajian triangulasi sosiologi yang menggabungkan metode temu bual, soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan oleh Tinaz yang bertajuk '*Conversion of African Americans to Islam: A Sociological Analysis of the Nation of Islam and Associated Groups*'. Beliau mendapati dorongan pemeluk agama Islam yang berlaku dalam kalangan komuniti kulit hitam ini adalah disebabkan oleh pengaruh rakan, dorongan saudara yang telah memeluk agama Islam, peranan badan-badan dakwah Islam, lawatan rumah ibadah orang Islam dan faktor pembacaan. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan faktor pergaulan dengan rakan Islam merupakan jumlah yang paling ramai memeluk agama Islam.

Begitu juga, kajian yang dilakukan oleh Al-Qwidi (2002) dalam tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk '*Understanding the Stages of Conversion to Islam the Voices of British Converts*' merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual ke atas 37 orang Saudara Muslim. Beliau cuba memaparkan fenomena yang berlaku dalam kalangan komuniti British yang memeluk agama Islam dan mendapati kebanyakan pemeluk agama baharu ini datangnya dari keluarga yang tidak memberi perhatian terhadap agama asal. Al-Qwidi dengan menggunakan teori yang dikemukakan oleh Rambo mendapati bahawa kebanyakan komuniti prakonversi mengakui bahawa pengalaman keagamaan yang berlaku ketika masih berpegang kepada 'agama asal' mendorong mereka mencari pengertian hidup yang sebenar. Pada fasa yang kedua (*crisis*), beliau mendapati kesukaran yang berlaku dalam kehidupan komuniti prakonversi membuka ruang kepada mereka untuk mencari makna kehidupan dan hakikat ketuhanan yang sebenar. Pada fasa yang ketiga, (*quest*) memperjelaskan bahawa faktor '*significant event*' yang berlaku di sekeliling responden ketika masih berada dalam agama asal seperti melihat rancangan keagamaan Islam, menyaksikan masyarakat Muslim melaksanakan solat, membaca buku-buku bertemakan Islam, mendengar muzik Islam menjadi titik tolak komuniti ini cuba mengenal agama Islam lebih dekat. Seterusnya pada peringkat pertemuan (*encounter*), Al-Qwidi mendapati maklumat tentang agama Islam menjadi lebih meyakinkan apabila komuniti pra konversi ini terlibat secara langsung dalam aktiviti keagamaan komuniti Muslim. Justeru, dalam fasa

‘pertemuan’ kerana ingin berkahwin dengan pasangan Muslim, hubungan dengan kawan Muslim, dorongan keluarga Muslim dan terlibat dalam aktiviti masyarakat Muslim merupakan faktor yang mendorong komuniti ini melakukan pemelukan agama Islam.

Dalam kajian tempatan seperti Osman Chuah (1997) dalam tesis Doktor Falsafah bertajuk ‘*Interaction and Integration of Chinese Muslims with their Malay Counterparts in Selangor*’, menjelaskan tentang cabaran interaksi intra dan inter selepas pemelukan agama yang dilalui oleh komuniti Cina Muslim. Katanya lagi, timbul stereotaip yang tidak sihat dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim yang menganggap menganut agama Islam bermakna masuk Melayu, menjadi orang asing (*Jip Huan*) dan dianggap pengkhianat bangsa kerana cuba menghapuskan budaya dan bahasa asal. Namun begitu, beliau mendapati 80–90 peratus ahli keluarga bukan Muslim akhirnya menerima pengislaman ahli keluarga setelah melalui beberapa tempoh yang tertentu. Boleh dikatakan kajian ini telah membuka jalan kepada kajian-kajian yang selanjutnya tentang komuniti Cina Muslim di Malaysia.

Selanjutnya, Anuar Puteh (1999) dalam tesisnya ‘*Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur*’ menyatakan Saudara Muslim di Malaysia merujuk kepada komuniti Cina, India atau masyarakat lain (peribumi) yang memeluk agama Islam dan amat popular dikenali dengan istilah ‘mualaf’ oleh masyarakat Muslim asal. Anuar mendapati faktor hidayah daripada Allah, perkahwinan, faktor ikutan dan kerana kepentingan tertentu merupakan dorongan utama Saudara Muslim memeluk agama Islam di Kuala Lumpur.

Rasinah Haji Ahim (2010) dalam tesis Doktor Falsafah yang bertajuk ‘Penerimaan dan Kefahaman Tentang Islam dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam’ mendapati berlaku penukaran agama disebabkan faktor pergaulan dengan rakan-rakan Muslim sebanyak 11 peratus, pengaruh jiran dan penduduk 7 peratus, dilahirkan dalam keluarga yang memeluk agama Islam 20 peratus, pengaruh Saudara Muslim yang lain sebanyak 9.5 peratus dan menganggap Islam sebagai agama yang benar 33 peratus. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Tengku Norhayati (2006) pula mendapati bahawa 20 peratus pemelukan Saudara Muslim di negeri Kelantan disebabkan oleh faktor pergaulan dengan masyarakat tempatan,

khususnya komuniti Melayu Muslim. Selain daripada itu, Tengku Norhayati dalam kajiannya yang bertajuk ‘*Saudara Baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran di Kota Bharu, Kelantan*’, mendapati pemeluk agama Islam dalam kalangan Saudara Muslim didorong oleh faktor galakan keluarga yang telah memeluk agama Islam, pengkajian, perkahwinan, kepentingan peribadi dan mencari sinar hidup baharu. Biarpun telah banyak kajian yang berkaitan tentang pemeluk agama Islam dilakukan, setiap kajian tersebut memaparkan landskap berlainan dan dibuat menerusi perspektif yang berbeza-beza.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara temu bual berfokus ke atas 20 orang responden Saudara Muslim Cina yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Kaedah temu bual dilakukan bagi mendapat maklumat secara langsung tentang sejarah, pandangan dan pengalaman responden ketika ingin memeluk agama Islam. Responden yang dipilih merupakan Saudara Muslim yang melibatkan diri dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu). Selain itu, melalui teknik *snowball sampling*, pengkaji juga diperkenalkan oleh responden yang telah ditemu bual oleh rakan Cina yang telah memeluk agama Islam. Selain itu, temu bual berstruktur juga dilakukan ke atas tiga orang tokoh yang memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu, iaitu Ustaz Abdul Halim Lim Abdul Rahman, pengetua Kompleks Darul Hidayah<sup>1</sup>. Keduanya, Datin Norhana Ng Abdullah, Presiden MACMA yang juga merupakan Presiden Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu<sup>2</sup> dan Ustaz Mohd Sufri Abdul Jaafar, iaitu Pegawai Eksekutif di PERKIM negeri Terengganu.

## MASYARAKAT CINA DAN PEMELUKAN AGAMA ISLAM DI NEGERI TERENGGANU

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu atau dikenali sebagai MAIDAM merupakan satu-satunya badan kerajaan yang berfungsi



untuk memastikan pengurusan dan perjalanan hal ehwal agama Islam di negeri ini pada landasan yang betul termasuk dalam perihal Saudara Muslim. Pengurusan terhadap Saudara Muslim di negeri Terengganu ini diletakkan di bawah pengelolaan Pusat Latihan Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah, MAIDAM yang terletak di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Abdul Halim Lim (2012) menjelaskan bahawa berlaku peningkatan pemeluk agama di negeri Terengganu pada setiap tahun. Kebanyakan individu yang memeluk agama Islam di negeri ini adalah yang berusia 40 tahun ke atas, manakala golongan wanita adalah lebih ramai memeluk agama Islam berbanding dengan golongan lelaki. Berdasarkan data pemeluk agama Islam dari tahun 1990–2011 di negeri Terengganu, seramai 2043 orang telah memeluk agama ini. Seramai 523 orang pemeluk agama ini adalah terdiri daripada komuniti Cina (Pejabat Agama Terengganu, 2012), manakala pemeluk agama Islam mengikut daerah-daerah di negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga 2011, boleh dilihat dalam rajah berikut.




Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu (2012)

**Rajah 1** Peratus dan bilangan yang memeluk Islam di negeri Terengganu mengikut daerah dari tahun 2000–2011

Rajah 1 menunjukkan bahawa kebanyakan pemeluk agama Islam berlaku di daerah Kuala Terengganu, iaitu melibatkan 36.36 peratus daripada jumlah keseluruhan. Peranan Kuala Terengganu sebagai pusat

pentadbiran negeri, pusat keilmuan dan pusat pelancongan utama di negeri ini mendorong majoriti komuniti bukan Muslim di negeri Terengganu menetap di daerah ini. Justeru, ia menjadi justifikasi utama mengapa Kuala Terengganu mencatatkan kadar pengislaman yang cukup tinggi berbanding dengan daerah-daerah lain. Di daerah lain, masyarakat Cina kebanyakan datang dari kawasan Kuala Dungun (Dungun) dan Chukai (Kemaman). Kawasan ini merupakan kawasan yang didiami oleh ramai masyarakat Cina daripada pelbagai etnik. Mengambil kira rekod pemeluk agama Islam dari tahun 2000–2011 di negeri Terengganu, ternyata komuniti Cina merupakan etnik terbesar memeluk agama Islam di negeri Terengganu dengan mewakili 53 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Warganegara Malaysia yang memeluk Islam di negeri Terengganu bagi tempoh 2000–2011 boleh dilihat dalam Rajah 2.



Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012

**Rajah 2** Peratus dan bilangan yang memeluk Islam di negeri Terengganu mengikut kelompok etnik dari tahun 2000–2011

Rajah 2 mengambil kira pendaftaran agama Islam dalam kalangan etnik dari negeri-negeri lain termasuk dari Sabah dan Sarawak yang tinggal dan berkunjung di negeri Terengganu. Selain daripada itu, ia juga menunjukkan bahawa peratus pemeluk Islam yang tinggi turut berlaku dalam kalangan etnik India dan lain-lain. Menurut Abdul Halim (2012), wujud

masyarakat bukan Islam yang bukan penduduk asal negeri Terengganu memeluk agama Islam kerana faktor tinggal lama di negeri ini, sama ada menuntut di institusi pengajian tinggi, bekerja atau melancong.

### FAKTOR PEMELUKAN AGAMA ISLAM

Berdasarkan temu bual yang dilakukan ke atas 20 orang responden, faktor-faktor pemilihan Islam adalah sebagaimana dinyatakan dalam Rajah 3.



Sumber: Temu bual 2012

#### **Rajah 3** Faktor pemeluk agama Islam

Bagi mendapat gambaran yang lebih terperinci, kajian ini mendapati pengalaman-pengalaman komuniti saudara Muslim Cina sebagaimana yang dinyatakan.

#### **a. Pergaulan dengan rakan dan komuniti Melayu Muslim**

Jalaluddin (2003) menyatakan bahawa pemeluk agama berlaku kerana faktor hubungan sosial seperti pergaulan dan pengaruh kebiasaan yang bersifat ritual. Pengalaman menghadiri upacara keagamaan dan ritual

masyarakat atau perkumpulan sosial mendedahkan kepada pelbagai bentuk cara hidup dalam beragama. Sehubungan dengan itu, Norhana Ng (2012) menyatakan bahawa pengalaman pergaulan di kampung atau di sekolah telah membuka ruang kepada komuniti Cina untuk mengenali lebih dekat tentang budaya hidup dan agama masyarakat Melayu Muslim. Hasil dapatan temu bual menceritakan sebagaimana berikut:

“Sebab masuk Islam, sebab kita duduk dalam kampung, **bergaul dengan budak Melayu**, duduk Lorong Haji Jamil dekat Pasar Payang...tidak berkawan dengan budak Cina...kebanyakan tubit (keluar masuk) dengan budak-budak sebelah rumah. Dia sama umur juga dengan saya... Jadi kita banyak pergi rumah dia, kan kita pergi tengok keadaan keluarga dia... brodong (berkawan) hari tulah”(Resp # 08 (Hokkien), 2012)

“Faktor yang menyebabkan saya masuk Islam ni kerana **pergaulan dalam kalangan masyarakat Melayu**, tempat lahir pun di kawasan ramai orang Melayu. Biasalah bergaul dengan orang Melayu, jiran saya dekat sana pun orang Melayu. Cina tidak ramai masa tu”(Resp # 17 (Hokkien) , 2012)

“Saya masuk Islam waktu sekolah, saya duduk di Kampung Ladang, **saya berkawan dengan orang Melayu** jadi niat tu memang nak masuk Islamlah...belajar senyap-senyap dengan orang Melayu”(Resp # 12 (Hokkien), 2012)

“Saya bekerja dekat Somei di Gong Badak, kebanyakan pekerja kat situ orang Melayu Islam. **Jadi setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu kan.** Jadi pada bulan puasa saya pun turut berpuasa juga walaupun belum Islam lagi.”(Resp # 16 (Kantonis), 2012)

“Saya masuk Islam kerana pengaruh daripada kawan dan persekitaran, dulu saya duduk kat asrama kan, masa belajar dulu, jadi kat asrama **kebanyakannya kawan-kawan berbangsa Melayu.** Jadi saya tengok dari situ akhlak mereka tu baik, tutup aurat... sukalah sebab Islam ni kan dia jagakan, tengok cara sembahyang. Masa tu saya ambil diploma nursing dekat Kajang.”(Resp # 18 (Hokkien), 2012)

“Saya bergaul dengan orang Melayu....dulu saya kerja dekat The Store, **saya ramai kawan-kawan Melayu**...rasa tertarik dengan agama dia orang.”(Resp # 02 (Hokkien), 2012)

“Masa dulu kecik-kecik saya belajar sekolah kebangsaan saya belajar dengan budak Melayu ikutlah, zaman dahulukan ustaz ajar ramai-ramai ikutlah... bolehlah masuk sikit-sikit... bila masuk sikit nak masuk Islam... masa tu kecik lagi tak tau mende lagi sampai sekolah menengah saya kawan dengan budak Melayu..sekolah Chung Hwa... **tapi saya kawan dengan orang Melayu sebab masa kecik-kecik saya kawan dengan orang Melayu**. Saya dok kawang dengan budak Cina sebab dia cakap Mandarin dan saya dok pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu.”(Resp # 13 (Hakka), 2012)

Ternyata, melalui pengalaman tinggal bersama di perkampungan Melayu dan proses pergaulan dengan rakan-rakan Muslim telah membuka ruang yang luas kepada masyarakat Cina untuk meneroka realiti kehidupan seharian yang berlaku dalam komuniti Muslim. Tambahan lagi, pengalaman tinggal bersama di perkampungan masyarakat Melayu Muslim menyebabkan responden agak sukar untuk mencari teman-teman sebangsa. Keakraban hubungan dengan masyarakat Melayu Muslim bukan sahaja terserlah di kampung, malahan aktiviti ini berlaku di tempat kerja, misalnya Resp # 02 (Hokkien) menyatakan “*kerja dekat The Store, saya ramai kawan-kawan Melayu*” dan Resp # 16 (Kantonis) dengan menyatakan “*setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu.*” Justeru, faktor hubungan sosial dengan komuniti Muslim tempatan menjadi pendorong yang kuat untuk mengenali serba sedikit hal ehwal agama Islam yang selanjutnya mendorong komuniti ini melakukan penukaran agama.

Inilah yang ditegaskan oleh Mulyono (2007) dengan menyatakan bahawa ‘berada dalam lingkungan teman sebaya yang berbeza agama’ akan memberikan pengaruh tersendiri bagi subjek dalam mengenal nilai-nilai dan tataperilaku orang lain. Perihal yang sama dinyatakan oleh Tengku Norhayati (2006) dengan menjelaskan bahawa Saudara Muslim memeluk agama Islam kerana tertarik dengan kehidupan orang Melayu Muslim yang saling membantu, mengamalkan konsep bekerjasama, bersikap harmoni, bergotong-royong dan kenduri-kendara. Nilai perpaduan yang wujud dalam kehidupan masyarakat Muslim memberi pengaruh yang besar kepada

masyarakat bukan Muslim (Sulaiman, 2010). Rakan Muslim mempamerkan nilai-nilai akhlak Islam mendorong rakan bukan Muslim untuk memahami dengan lebih mendalam tentang agama Islam (Mulyono, 2007). Melalui pola-pola pergaulan Muslim dan *non-Muslim* secara rutin ini membolehkan rakan bukan Muslim memahami dan mengenali lebih dekat tentang agama Islam. Maka, pengkajian terhadap ajaran agama melalui aktiviti berkelompok akan memudahkan proses pembelajaran agama Islam.

## **b. Pembacaan dan Pengkajian**

Jalaluddin (2003) menyatakan bahawa senario pendidikan yang merangkumi sistem dan silibus yang diberikan kepada seseorang dan interaksi dengan ilmu pengetahuan memberi pengaruh terhadap berlakunya pemelukan agama. Kesempatan mengikuti pelajaran agama Islam memungkinkan pelajar *non-muslim* mengetahui beberapa konsep asas dalam agama Islam. Justeru, Mohd Sufri (2012) menyatakan bahawa dalam konteks pengislaman Saudara Muslim Cina di negeri Terengganu, ramai yang melakukan penukaran agama bertitik tolak dari keinginan untuk mengkaji tentang agama Islam itu sendiri. Hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan memberi gambaran sebagaimana berikut:

“Sebabnya... masuk Islam no satu saya dari dulu dari kecil asasnya... tok saya dah ajar ajaran-ajaran Buddha... **pula saya ni jenis suka, selidik, kaji, tengok** contohnya sejarah macam mana Buddha daripada anak raja dia boleh lari dan menjadi seorang ahli betapa... dari ahli betapa tu, dia mencari kebenaran hidup, daripada dia tengok orang tua, orang sakit, orang mati dan dari seorang pendeta daripada tu dia kata... ai hidup ni ada manusia-manusia yang jenis macam ni... ada sakit, ada apa.. sebab dia daripada kecil lagi ia dihalang oleh keluarga dia daripada melihat mende-mende ni. Sebab dia bakal pengganti raja, kerana itu dia lari meninggalkan istana dan dia menjadi seorang betapa dan seterusnya dia mencapai peringkat keBuddhaan atau mencapai peringkat keburan... daripada tu, **sekolah saya campur dengan orang Melayu daripada darjah satu sampai darjah enam. Saya mendengar cikgu-cikgu mengajar agama dan sebagainya tentang syariat, akidah...akhlak.**” (Resp # 06 (Hokkien), 2012)

**“Masa kat sekolahkan...sekolah pula ada ustaz mari ngajar... yang peliknya kita suka pergi kelas jawi tak tau kenapa...orang kata bukan kelas awak pergilah kelas moral. Saya tengok orang Islam lain orang Cina lain.”**(Resp # 14 (Hailam), 2012).

**“Tertarik dengan cara-cara belajar, saya suka belajar... jadi masuk Islam tu banyak mende yang kita nak belajar...”** (Resp # 06 (Kantonis), 2012).

Berdasarkan transkrip di atas, didapati bahawa walaupun wujud dalam kalangan komuniti Cina, individu yang cukup memahami begitu mendalam tentang pengajaran agama asal, malah merupakan tokoh yang berperanan dalam institusi agama tersebut, ternyata dorongan untuk mencari kebenaran dalam beragama tidak pernah padam. Justeru, boleh dikatakan bahawa faktor pengkajian menjadi titik tolak komuniti Cina terlibat secara langsung dalam dialog keagamaan. Pengalaman turut serta dalam kelas pengajian agama Islam seperti bertanya kepada ustaz menunjukkan wujud rasa ingin tahu masyarakat Cina terhadap fenomena-fenomena dalam agama Islam. Pengkajian merangkumi aspek yang luas, antaranya mengkaji tentang konsep-konsep agama Islam, tingkah laku komuniti Muslim dan amalan-amalan rutin yang dilakukan oleh seorang Muslim.

Satu faktor yang agak sukar ditemui ialah ada dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan penukaran agama kerana keinginan menyahut cabaran untuk menukar agama Islam. Bertitik tolak daripada motif untuk ‘menyahut cabaran,’ akhirnya ia bertukar kepada pengkajian secara perbandingan terhadap agama. Hasil temu bual ini menyatakan sebagaimana berikut:

**“Saya masuk Islam pada mulanya saya sambut cabaran...saya ni pantang dicabar... Oleh kerana saya ini kuat dalam Buddha maknanya sekitar kampung saya tu tentang Buddha dia tanya sayalah... kemudian kawan saya cabar dengan katanya “mende lain kamu berani buat cuma satu saja kamu tidak berani, awak dok (tidak) berani tukar agama, awak dok berani masuk Islam.” Saya fikir-fikir kenapa dia cabar macam ni... Saya fikir-fikir lebih kurang dalam Buddha saya tahulah... Saya fikir-fikir dalam Buddha**

**ni tak ada maksud matlamat Tuhan di mana?”(Resp # 10 (Hokkien, 2012)**

Biarpun pemahaman agama Islam telah dilakukan melalui pembacaan, bertanya kepada ustaz, melihat komuniti Muslim melaksanakan amalan rutin keagamaan dan melakukan kajian perbandingan agama dengan mendalam, didapati dalam kalangan responden mengambil tempoh yang agak lama untuk melakukan penukaran agama kerana proses ini menuntut pengorbanan yang sangat besar. Justeru, Mulyono (2007) menyatakan bahawa pemeluk agama yang berakar umbi berasaskan kajian perbandingan agama ini hanya sedikit dijumpai dan tidak dipengaruhi oleh tekanan luaran yang memaksa individu untuk mengakui keyakinan yang baharu. Dalam konteks ini juga, didapati berlaku interaksi agama secara tidak formal apabila masyarakat Cina bertanya atau melibatkan diri dalam urusan agama komuniti Muslim secara ilmiah khususnya di sekolah-sekolah. Maka, masyarakat yang berada dalam lingkungan sekolah, termasuk guru dan rakan-rakan memberi peranan yang besar dalam mendorong komuniti Cina memeluk Islam.

### **c. Perkahwinan**

Norhana (2012) menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat Cina mengambil keputusan untuk memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangannya yang berbangsa Melayu Muslim. Wanita-wanita Cina yang mempunyai teman lelaki dari bangsa Melayu Muslim mengambil keputusan untuk menukar agama atas dasar cinta. Menurut Mulyono (2007), wujud ikatan emosional yang lebih mendalam dan intim dengan pasangan yang beragama Islam membuka kesedaran seseorang itu untuk bertukar agama. Ia berdasarkan transkrip temu bual yang telah dijalankan, boleh dilihat dalam petikan di bawah:

“Bila dengar nak masuk Islam tu... mak ayah bisinglah...terutamanya mak...sampai menangis-nangislah. Masa tu Nurul bagi tahu nak masuk Islam **sebab nak kahwin dengan orang Melayu**. Lepas tu, lepas mak tidak boleh terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... sampailah ayah pujuk balik... suruh masuk Buddha balik.”(Resp # 01 (Hokkien), 2012)



**“Sebab nak berkawan dengan orang Islam,** saya ada satu kawan, dia ada problem, dia mengadu macam, saya kawan dia lebih kurang 10 tahun, dia ada masalah, so I cakap kita boleh jadi kawan, lepas tu dia kata saya bukan Islam... so mula-mula kita nak tolong dia kita jadi Islam dululah... so mula-mula saya pergi pejabat agama saya kata saya mahu jadi Islam... lepas tu, orang kata u betul ke u main-main, I cakap .. betullah, lepas tu dia cakap... saya langsung tak tau nak cakap asyahuadulla.”(Resp # 11 (Foochow), 2012).

“Saya jumpa suami saya, dulu kawan sajalah tak fikir nak masuk Islam, dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah...kawan biasa okla... dia pun tak paksa saya kahwin dengan dia. Lepas kenal dia tiga tahun **dia ajak saya kahwin**, saya kata tak nak lah saya tak fikir nak masuk Islam, saya Cina, saya Buddha dan saya ada anak...tapi saya sudah cerai. Lepas three years again dia tanya saya nak kahwin, saya cakap tak naklah, takutlah...sebab saya belum ada niat untuk masuk Islam.”(Resp # 15 (Foochow), 2012)

“Sebab masuk Islam **saya nak kahwin dengan orang Islam,** saya suka perempuan Melayu, dia tak sama dengan Cina.”(Resp # 19 (Hakka), 2012)

Pendek kata, dorongan untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan dari etnik lain merupakan faktor yang kuat dalam kalangan masyarakat Cina melakukan penukaran agama. Al-Qwadi (2002) menyatakan bahawa individu bukan Muslim yang ingin berkahwin dengan pasangan yang Muslim perlu menganut agama Islam. Mengambil kira pengamalan di Malaysia yang tidak membenarkan perkahwinan silang antara agama dengan pasangan yang beragama Islam, justeru seseorang individu bukan Muslim yang ingin berkahwin dengan pasangan Muslim tidak mempunyai pilihan melainkan memeluk agama Islam. Kenyataan Resp # 15 (Foochow), **“Dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah”** memperlihatkan bahawa komuniti prakonversi perlu mengambil risiko untuk melakukan penukaran agama sekiranya ingin berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Justeru, adalah tidak menghairankan sekiranya dalam kalangan masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan pasangan Muslim

mempunyai pengetahuan yang sangat terbatas tentang hal ehwal agama Islam. Sebagai contoh, Resp # 11 (Foochow) mengambil keputusan memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan lelaki Melayu Muslim setelah sepuluh tahun berkenalan. Sewaktu memeluk agama Islam, beliau hanya mengetahui sedikit sahaja tentang agama Islam. Antaranya beliau menyatakan, ‘*Saya tahu dalam Islam hanya takleh (tidak boleh) makan khinzir sahaja...*’. Berkait dengan ini, Lam (2005) menyatakan bahawa penukaran agama kerana ingin berkahwin dengan seorang Muslim menyebabkan kadangkala mereka tidak mengamalkan ajaran Islam dengan baik. Hal ini bermakna, pasangan Muslim perlu memainkan peranan bagi menjelaskan tatacara dan budaya hidup mereka mengikut kerangka yang digariskan oleh agama Islam agar Saudara Muslim Cina berkeupayaan menjadi seorang Muslim yang taat.

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Joy Lam dan melalui sesi temu bual yang telah dilakukan, penulis mendapati dalam kalangan masyarakat Cina mengambil tempoh yang agak panjang untuk memulakan pengajian tentang agama Islam walaupun telah lama menganut agama tersebut. Perkara ini dijelaskan sebagaimana dalam temu bual berikut:

“*Kalau kiranya **masuk Islam lama dah** tapi tak ambik iktibar molek, kelas pun baru masuk bulan ni. Kalau ikut saya masuk Islam tahun 1987 tapi dak (tidak) belajar mana.*” (Resp # 20 (Hokkien), 2012)

Perihal ini amat berkait dengan sikap sebahagian Saudara Muslim Cina yang tidak memikirkan atau merancang untuk memilih agama Islam pada awalnya menyebabkan perhatian tentang ajaran agama kurang dititikberatkan. Antara contoh yang lain ialah Resp # 15(Foochow) menyatakan, “*Dulu kawan sajalah **tak fikir nak masuk Islam***”. Kenyataan ini menggambarkan tempoh lama memeluk agama Islam bukanlah jaminan bagi seorang Saudara Muslim itu memahami dan mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya.

Dalam kata lain, komuniti Cina Muslim menerima pencerahan tentang agama Islam selanjutnya melalui kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Agama atau badan-badan NGO. Berkait dengan ini, Khalfaooui (2011) membahagikan pemelukan agama kepada dua peringkat iaitu *formal conversion* menerusi pemelukan agama tanpa melibatkan pengamalan

agama. Bertitik tolak dari peringkat pertama ini, penganut agama baharu selanjutnya mengaplikasikan “*practical conversion*” dalam kehidupan baharunya. Biarpun begitu, pemeluk agama yang diasaskan kepada keyakinan yang bersungguh-sungguh memperlihatkan pelakunya memberi komitmen yang kuat terhadap suruhan dan larangan yang dianjurkan oleh agama. Justeru, tidak menghairankan dalam kalangan pemeluk agama baru ini, penghayatan dan pegangan mereka terhadap agama lebih teguh berbanding dengan penganut asal. Malah, mereka berperanan sebagai penggerak, pendakwah atau penyebar agama baharu yang disegani.

#### **d. Hidayah melalui Mimpi**

Norhana (2012) menjelaskan bahawa seorang Cina yang bersikap negatif terhadap ajaran Islam akhirnya memeluk agama ini pada lewat usia kerana faktor hidayah daripada Allah. Jalaluddin (2003) menyatakan ‘faktor hidayah’ ialah adanya petunjuk dari Yang Maha Kuasa terhadap seseorang menerima kepercayaan baharu dengan penyerahan jiwa sepenuhnya. Faktor-faktor hidayah juga merujuk kepada faktor yang luar biasa seperti bermimpi tentang perkara yang mengandungi elemen-elemen keagamaan Islam seperti mendengar suara azan, bermimpi bertemu lelaki berserban dan sebagainya. Al-Qwidi (2002) pula menyatakan hidayah sebagai faktor ketuhanan (*Divine*) sebagaimana dijelaskan, “*The word ‘conversion’ suggests a process of inner personal change, but in traditional religious contexts such transformations are seen as wholly directed by the divine.*” Lazimnya, seorang Saudara Muslim yang memeluk agama Islam kerana faktor hidayah dari Ilahi akan mengikuti syariat Allah dengan rela hati dan penuh keikhlasan (Mudaser & Marzuki, 2012). Melalui temu bual bersama responden Cina Muslim, mereka menyatakan bahawa;

*“Dapat petunjuk dari Allah pada usia 12 tahun lagi dalam mimpi, lepas tu minta tangguh dengan Tuhan, “biarlah aku kaji dulu agama aku” dan saya pun buat kajianlah dan pernah gi kursus kat kuil Buddhakan... Mimpi tu... kalau orang macam lawak je. Saya tidur di tepi sungai, sungai tu berwarna putih, masa tu memang saya tidak percaya, mana ada sungai warna putih, biasanya sungai airnya memang jernih... bawah pokok lepas itu marilah orang tua bawa tongkat pakai jubah putih, dia suruh saya mengucap... lepas itu tiba-tiba saya boleh mengucap... tiba-tiba saya*

*terkejut tu saya masih lagi boleh mengucap... terkejut dari tidur. Peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya.”(Resp # 07 (Hokkien), 2012)*

**“*Saya mimpi orang tua berjanggut putih.... dia kata kenapa mu dok masuk Islam, mu agama Buddha pun mu dok sembahyang...”(Resp # 05 (Teochew), 2012)***

**“*Saya duduk kampung tu kan, ramai orang Melayu kan... satu hari tu saya dapat mimpi dalam tidurlah...orang Islam tua janggut putih... koho (semakin) lame koho dekat... kita takut ah.”(Resp # 04 (Hokkien), 2012).***

Faktor hidayah daripada Allah khususnya melalui mimpi telah mendorong sebahagian masyarakat Cina menukar agama. Aspek-aspek mimpi biasanya mengandungi unsur-unsur agama yang berlaku dalam komuniti Muslim setempat seperti bertemu dan berdialog dengan orang tua yang berjanggut putih serta memakai jubah putih. Biarpun begitu, faktor petunjuk dari Allah ini adalah berbeza-beza mengikut pengalaman individu. Mengambil contoh pengalaman Saudara Muslim Cina di atas, kelaziman mimpi bertemu orang tua yang berjanggut dengan memakai jubah putih dikaitkan dengan orang alim dalam agama dalam tradisi Melayu. Namun begitu, didapati dalam kalangan masyarakat Cina yang mengambil keputusan untuk melakukan kajian secara mendalam terhadap agama yang sedang dianuti dan agama yang akan dianuti setelah menerima mimpi tersebut. Mengambil contoh pengalaman Resp # 07 (Hokkien), beliau menyatakan bahawa walaupun mendapat petunjuk melalui mimpi pada usia 12 tahun, beliau mengambil masa yang agak lama untuk memeluk agama Islam. Resp # 07 (Hokkien) mengambil masa selama enam tahun untuk melakukan pengkajian bagi mencari kebenaran agama antara agama Islam dan Buddha. Pengalaman di atas menjelaskan bahawa proses pemelukan agama mengambil masa secara perlahan-lahan bagi membina keyakinan beragama dalam diri.

#### **e. Faktor Dorongan Keluarga**

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa masyarakat Cina yang melakukan menerima dorongan kuat daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam

menjadi pendorong penting untuk mereka menukar agama. Biasanya, apabila ibu bapa memeluk agama Islam, anak-anak yang dalam jagaannya juga akan turut menganuti agama tersebut. Perkara ini sebagaimana yang dijelaskan menerusi temu bual ini;

“Saya memeluk Islam dah belasan tahun, **satu keluarga masuk Islam masa tu saya masih kecil.**” (Resp # 03 (Hokkien), 2012)

“Bila saya nak gi ambil anak saya tuu, anak saya yang gemuk tadi tuu... dia tak nak lepas dengan bekas suami saya ... suami tak terima saya masuk Islam, adik beradik tak terima. **Lepas tu, anak saya pun saya daftar Islam, bekas suami saya tak tahu lagi.**”(Resp # 04 (Hokkien), 2012)

“Bila masuk Islam ada masalah dengan bekas suami Cina. Dia saman saya dia nak ambil anak, anak seorang masa tu, umur tiga tahun, perempuan, **anak saya ni dia kata tidak cukup umur untuk masuk Islam**”.(Resp # 07 (Hokkien), 2012).

Menurut Mudasir dan Marzuki (2005), Saudara Muslim memeluk agama Islam kerana faktor ikut-ikutan merupakan faktor utama mereka memeluk agama Islam. Faktor ikut-ikutan berlaku apabila orang berpengaruh dalam kalangan mereka memeluk agama Islam. Tindakan tersebut akan dituruti oleh beberapa orang ahli keluarga yang lain. Namun begitu, penulis tidak mendapati bahawa faktor ikutan menjadi faktor utama masyarakat Cina negeri Terengganu memeluk agama Islam. Didapati hanya segelintir masyarakat Cina di Terengganu melakukan pemeluk agama Islam kerana didorong oleh keluarga atau tingkah laku keluarga yang telah memeluk agama Islam. Bagi pemeluk agama Islam yang menjaga anak yang masih di bawah umur, perihal ini sering kali mendorong keluarga bekas pasangan yang bukan Muslim membawa kes ini hingga ke mahkamah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan huraian sebagaimana yang dipaparkan, dapat dinyatakan bahawa hubungan awal dengan masyarakat Muslim tempatan mendorong

masyarakat Cina di negeri Terengganu bertukar agama. Faktor pergaulan dengan masyarakat Muslim menjadi faktor utama penukaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu. Faktor lain adalah didorong oleh keinginan untuk berkahwin dengan pasangan Muslim, pembacaan dan pengkajian memperoleh hidayah Ilahi dan dorongan dari ahli keluarga yang telah memeluk agama Islam. Walaupun skop kajian ini memberi fokus kepada komuniti Cina yang terlibat dalam aktiviti di Kompleks Darul Hidayah, ia sebenarnya mencerminkan fenomena pemelukan agama Islam yang berlaku dalam kalangan Saudara Muslim Cina di negeri Terengganu, khususnya dan di Malaysia umumnya. Bertitik tolak daripada hasil dapatan ini, kajian tentang gejala kembali semula kepada agama asal (murtad) boleh diketengahkan dengan melihat perkaitannya dengan faktor pemelukan agama Islam.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas geran FRGS bagi menyiapkan penyelidikan yang dijalankan.

## NOTA

- <sup>1</sup> Kompleks Darul Hidayah merupakan satu pusat dakwah yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu bagi menguruskan latihan dan program-program keagamaan terhadap semua Saudara Baru yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu.
- <sup>2</sup> Persatuan Darul Fitrah merupakan badan NGO dakwah yang menguruskan kebajikan Saudara Baru di negeri Terengganu, manakala *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA) merupakan badan dakwah NGO yang menguruskan hal ehwal Saudara Baru dalam kalangan masyarakat Cina.

## RUJUKAN

- Amran Kasimin. (1985). *Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. (1999). 'Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur'. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qurtubi, AbĒŃAbdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, (1967), *al-Jami' lil Ahkam al-Quran*, (Ed). Abdillah ibn Ńabd al-Hassan al-Tarki. Al-Qahirah: Dar al Katib al-Arabi al-Tobaah Wa Al-Nasyr.

- Al-Qwidi, M. (2002). 'Understanding The Stages of conversion to Islam the voices of British converts'. Tesis PhD, The University of Leeds.
- Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. (2012).
- Catherine S. & Angus S. (2006). *Oxford Dictionary of English*. New York: Oxford University Press.
- Dowing, Elizabeth M. (2006). *Encyclopedia of Religious and Spiritual Development*. California: Sage Publication.
- Farah, A., Karim R.N., Said M. & Eduard S.K. (2004). *The Dictionary English – Arabic*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Gundrun, T. (2006). "Religious authority and autonomy intertwined: The case of converts to Islam in Denmark. *The Muslim World*, v. 96, pp. 643–660.
- Heirich, M. (1964). Change of heart: A test of some widely held theories about religious conversion. *American Journal of Sociology*, 83(3) p.p 653–680.
- Ibn Kathir, *Abi al-Fida' Isma'il al-Dimisyiqi*. (1981). *Tafsir al-Quran al-Azim lil Imami al-khalil al-hafiz Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail al-Dimisyiqi*. Beyrouth: Dar al Fikr.
- Ibnu Manzur. (2001). *Lisan al-'Arab lil iman al-alamat Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad bin Makram*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2010)
- Jalaluddin Rahmat. (2003). *Psikologi agama sebuah pengantar*. Jakarta: Mizan.
- Mouez Khalfaoui. (2011). From religious to social conversion: How Muslim scholars conceived of the rites de passage from Hinduism to Islam in seventeenth century. *Journal of Beliefs & Values* Vol. 32, No. 1. Pp. 85–93.
- Kose, Ali. (1996). *Conversion to Islam: A study of native British converts*. London: Kegan Paul International.
- Lam, J. (2005). *Religious conversion and reconstruction of identities: The case of Chinese Muslim converts in Malaysia*. Singapore: Southeast Asian Studies Programme, National University of Singapore.
- Mohd Syukri Yeoh & Osman Abdullah. (2003). The problem of mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, Jil. 24. pp. 65–84.
- Mudasir Rosder & Marzuki Musa. (2005). Kefahaman Islam di kalangan saudara baru (Cina) di Batu Pahat, Johor. Dlm. *Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia*, Wan Abd.Hamid Wan Teh.(Eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyono, N.K. (2007). Proses pencarian identitas diri pada remaja muallaf. Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro, Indonesia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2004). Pandangan Yusuf al-Qaradawi terhadap fiqh semasa. *Jurnal Islamiyyat*, 26. pp. 69–81.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). *Muslim converts in Malaysia: The problem of cultural adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.

- Osman bin Abdullah @ Chuah Hock Leng. (1997). Interaction and integration of Chinese muslims with their Malay counterparts in Selangor”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rasinah binti Haji Ahim. (2010). Penerimaan dan Kefahaman tentang Islam dalam kalangan masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Shakirah Mohd Anuar. (2002). *Pemahaman Islam di kalangan saudara kita di negeri Pulau Pinang*. Disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sulaiman Dufford. (2010). *Liku-liku pencarian nur Islam: Pengalaman, memeluk Islam di Barat* (Terjemahan Noresah Baharom) *Conversion Journey: On becoming muslim in the west*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Tengku Norhayati Tengku Hamzah. (2006). Saudara baru di Kelantan: Suatu kajian mengenai dorongan dan cabaran di Kota Bharu, Kelantan. Tesis MA, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tinaz, N. (2001). Conversion of African Americans to Islam: A sociological analysis of the nation of Islam and associated groups. Tesis PhD, University of Warwick.
- William, J. (1958). *The varieties of religious experience*. New York: New American Library.
- Zakiah Darajat. (1973). *Ilmu jiwa agama*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

## Temu Bual

- Abdul Halim Lim Abdul Rahman. (2012). Temu bual. Beliau merupakan pengetua Kompleks Darul Hidayah pada pukul 9.00 pagi, 26 Mac 2012 di Pejabat MAIDAM.
- Resp # 01 (Hokkien) di kediaman beliau di Kampung Hiliran pada pukul 11.00 pagi, 9 April 2012.
- Norhana Ng Abdullah. (2012). Temu bual. Beliau merupakan Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA pada pukul 11.00 pagi, 12 Mac 2012.
- Mohd Sufri Jaafar. (2012). Temu bual. Beliau merupakan Pegawai Eksekutif PERKIM negeri Terengganu di Pejabat PERKIM di Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu pukul 10.30 pagi, pada 12 April 2012.
- Resp # 02 (Hokkien) di kediaman beliau di Kampung Batu Burok pukul 10.45 pagi, pada tarikh 20 April 2012.
- Resp # 03 (Hokkien) di kediaman ibu mertuanya di Kampung Seberang Takir, Kuala Terengganu, pukul 5 petang, 6 Julai 2012.
- Resp # 04 (Hokkien) di kediaman beliau di Lot 3484 – A Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu, pukul 5.28 petang, 13 November 2012.



- Resp # 05 (Teochew) di kediaman beliau di Lot 3484 – A Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu, pukul 5.08 petang, 13 November 2012.
- Resp # 06 (Hokkien) di kediaman beliau di Pangsapuri Permint Harmoni, Jalan Cherung Lanjut, Kuala Terengganu pada pukul 12.30 tengah hari, 14 November 2012.
- Resp # 07 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 10.55 pagi, 19 November 2012.
- Resp # 08 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 10.30 pagi, 19 November 2012.
- Resp # 09 (Kantonis) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 11.00 pagi, 21 November 2012.
- Resp # 10 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 10.55 pagi, 21 November 2012.
- Resp # 11 (Foochow) di Pejabat Darul Fitrah, pukul 11.00 pagi, 22 November 2012.
- Resp # 12 (Hokkien) di Pejabat Darul Fitrah, pukul 11.00 pagi, 22 November 2012.
- Resp # 13 (Hakka) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 10.30 pagi, 25 November 2012.
- Resp # 14 (Hailam) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 10.50 pagi, 25 November 2012.
- Resp # 15(Foochow) di kedai beliau di Kampung Gong Pauh, Kuala Terengganu, pukul 11.45 pagi, 6 Disember 2012.
- Resp # 16 (Kantonis) di Pejabat Darul Fitrah, pukul 10.50 pagi, 6 Disember 2012.
- Resp # 17 (Hokkien) di Pejabat Darul Fitrah, pukul 10.50 pagi, 6 Disember 2012.
- Resp # 18 (Hokkien) di kediaman beliau di 328–D, Kampung Rusila, 21080, Marang, Terengganu, pukul 5.00 petang, 8 Disember 2012.
- Resp # 19 (Hakka) di Kompleks Darul Hidayah pada pukul 8.30 pagi, 15 Disember 2012.
- Resp # 20 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, pukul 9.30 pagi, 15 Disember 2012.